



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNSUR-UNSUR KEBUDAYAAN MASYARAKAT INDIA DALAM CERPEN-CERPEN TERPILIH KARYA SAROJA THEAVY BALAKRISHNAN DAN UTHAYA SANKAR SB



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNSUR-UNSUR KEBUDAYAAN MASYARAKAT INDIA DALAM CERPEN-CERPEN TERPILIH KARYA SAROJA THEAVY BALAKRISHNAN DAN UTHAYA SANKAR SB

JOANNA JANET A/P JOSEPH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (✓)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 19....(hari bulan) 12....(bulan) 2021.

i. Perakuan pelajar :

Saya, Joanna Janet A/P Joseph M20171000687 Fakulti Bahasa & Komunikasi (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Unsur-unsur Kebudayaan Masyarakat India dalam Cerpen-cerpen Terpilih Saroja Theavy Balakrishnan dan Uthaya Sankar SB

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Dr. Manonmani Devi A/P M.A.R Annamalai (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Unsur-unsur Kebudayaan Masyarakat India dalam Cerpen-cerpen Terpilih Saroja Theavy Balakrishnan dan Uthaya Sankar SB

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sastera (Kesusasteraan Tamil) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

15/10/2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia
Assoc. Prof. Dr. Manonmani Devi M.A.R. Annamalai
Faculty of Languages and Communication,
Sultan Idris Education University,
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: Unsur-unsur Kebudayaan Masyarakat India dalam Cerpen-cerpen Terpilih Karya Saroja Theavy Balakrishnan dan Uthaya Sankar SB

No. Matrik / Matric's No.: M20171000687

Saya / I : Joanna Janet A/P Joseph
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 15/10/2021

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmii / Name & Official Stamp)

*Assoc. Prof. Dr. Manonmani Devi M.A.R. Annamalai
Faculty of Languages and Communication,
Sultan Idris Education University,
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia*

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Tuhan kerana dengan limpah kurniaNya, penyelidik dapat menyiapkan penyelidikan ini dengan sempurna setelah mengharungi pelbagai cabaran. Penyelidik juga ingin merakamkan penghargaan ikhlas kepada penyelia, Dr. Manonmani Devi dan Dr. Saravanan, P. Veeramuthu atas bimbingan dan sokongan yang diberi sepanjang tempoh penyelidikan projek ini. Penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa En. Joseph, Pn. Victoria dan saudara saudari saya Cik. Joycslin Clare, Cik. Deva Sofia, Pn Josephine Ester, En Rajesh, Dr. Jonisah Jein, En Jeesuraj, Joachim Victor, Jotham Christopher dan Ramyha atas segala doa, didikan dan sokongan sejak kecil lagi. Penyelidik juga menghargai komitmen yang diberikan oleh informan-informan sepanjang kajian ini. Akhir sekali, penyelidik ingin menghargai rakan-rakan seperjuangannya, yang sentiasa menghargai sokongan serta kerjasama yang telah diberikan sepanjang penyelesaian tugas ini. Semoga kita mencapai kejayaan di dunia dan akhirat.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan unsur-unsur kebudayaan masyarakat India dalam cerpen-cerpen terpilih Saroja Theavy Balakrishnan (STB) dan Uthaya Sankar SB. (US. SB.) Kajian ini mempunyai tiga objektif iaitu, mengenal pasti penggunaan perkataan-perkataan dari bahasa masyarakat India Malaysia yang mempunyai unsur kebudayaan, mengkategorikan paparan unsur kebudayaan India mengikut pembahagian unsur kebudayaan Koentjaraningrat dan mengupaskan makna di sebalik paparan unsur kebudayaan mengikut pembahagian unsur kebudayaan Koentjaraningrat. Kajian ini menggunakan teori kebudayaan Koentjaraningrat yang digagaskan oleh Koentjaraningrat. Pendekatan kualitatif berbentuk deskriptif telah digunakan dalam kajian ini. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah berbentuk kaedah keperpustakaan. Analisis deskriptif memberikan gambaran mengenai paparan unsur kebudayaan melalui penggunaan perkataan-perkataan dari bahasa masyarakat India Malaysia yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih STB dan US. SB. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat sebanyak 61 patah perkataan bahasa masyarakat India Malaysia dapat dikenal pasti yang mempunyai unsur kebudayaan mengikut pembahagian unsur kebudayaan Koentjaraningrat. Kajian ini membuktikan bahawa 61 patah perkataan tersebut dapat membantu dalam menganalisis sebuah kumpulan cerpen dari segi unsur kebudayaan. Melalui kajian ini penyelidik dapat menyimpulkan bahawa kumpulan cerpen STB dan US. SB merupakan sebuah karya yang kaya dengan unsur-unsur kebudayaan masyarakat India. Kesimpulannya, kajian ini telah menunjukkan bahawa kumpulan cerpen STB dan US. SB mampu memberi kesan kepada khalayak pembaca cerpen Melayu bukan India dapat berkenalan dan menghayati kosa kata bahasa-bahasa India dari segi pemahaman kebudayaan masyarakat India. Implikasi kajian ini adalah membantu pembaca untuk memahami perkataan-perkataan dari bahasa masyarakat India dan kebudayaan masyarakat India Malaysia serta bakal penyelidik dapat menggunakan kajian ini sebagai sumber rujukan.





CULTURE ELEMENTS OF AN INDIAN COMMUNITY IN SELECTED SHORT STORIES FROM SAROJA THEAVY BALAKRISHNAN AND UTHAYA SANKAR

ABSTRACT

This study intends to explore the elements of Indian culture in selected short stories written by Saroja Theavy Balakrishnan (STB) and Uthaya Sankar SB. (US. SB.). This study consists of three objectives, to identify the words from the Indian community which comprises of different culture elements, to categorize the Indian culture elements accordingly to Koentjaraningrat's culture elements and to analyse the meaning related to Koentjaraningrat's culture elements. This study also employed Koentjaraningrat's culture theory by Koentjaraningrat. The study utilizes qualitative approach along with library methodology. Descriptive analysis picturizes the elements in culture by utilizing the words from an Indian community. The result of study shows that there are a total of 61 words from Indian community consist of Koentjaraningrat's culture elements. The study helps the researcher to compile all the short stories from STB dan US. SB which rich with culture elements related with Indian community. In conclusion, this study portrays the short stories from STB and US. SB. effects the the non-Indian reader to understand the words involved in Indian community from the cultural perspective. Implication of the study is helping the reader to understand the words related to an Indian community along with the culture and the provided evidence as reference.





KANDUNGAN

Muka Surat

KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
TRANSILERASI	xviii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Persoalan Kajian	15
1.6 Kepentingan Kajian	16





1.7	Batasan Kajian	17
1.7.1	Pemilihan Pengarang	18
1.7.2	Pemilihan Bahan Kajian	22
1.7.3	Pemilihan Teori	22
1.8	Sumber Kajian	23
1.8.1	Sumber Primer	23
1.8.2	Sumber Sekunder	24
1.9	Definisi Operasional	24
1.9.1	Kebudayaan	25
1.9.2	Cerpen	31
1.9.3	Bahasa Tamil	32
1.10	Kesimpulan	34



BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	35
2.2	Unsur-unsur Kebudayaan India dalam Bahasa Melayu	36
2.3	Penglibatan Penulis Berketurunan India Secara Langsung dalam Kesusastraan Melayu	38
2.4	Teori Kebudayaan Koentjaraningrat	41
2.5	Kajian-kajian Lepas	42
2.6	Kesimpulan	70

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	72
3.2	Reka Bentuk Kajian	73





3.3	Kerangka Kajian	75
3.4	Kaedah Kajian	76
3.4.1	Kaedah Kajian Kepustakaan	76
3.4.2	Laman Sesawang	78
3.4.3	Kaedah Analisis Teks	78
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	79
3.5.1	Pembacaan Data	81
3.5.2	Pemilihan Data	82
3.5.3	Pembahagian Data	82
3.6	Kaedah Menganalisis Data	83
3.6.1	Pengesahan Data	84
3.7	Teori Kajian	85
3.7.1	Teori Kebudayaan Koentjaraningrat	86
3.7.1.1	Sistem Idea	87
3.7.1.2	Sistem Artifak	92
3.7.1.3	Sistem Aktiviti	94
3.8	Kerangka Teori	95
3.9	Kesimpulan	96

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	97
4.2	Objektif 1	98
4.3	Objektif 2	102
4.3.1	Sistem Bahasa atau Perlambangan Manusia	102





4.3.2 Sistem Pengetahuan	104
4.3.3 Sistem Keluarga dan Organisasi Sosial	106
4.3.4 Sistem Kepercayaan	109
4.3.5 Sistem Peralatan dan Keperluan Hidup serta Teknologi	111
4.3.6 Kesenian	113
4.3.7 Sistem Ekonomi	114
4.4 Objektif 3	116
4.4.1 Sistem Bahasa atau Perlambangan Manusia	116
4.4.1.1 <i>Aiyoo</i>	116
4.4.1.2 <i>Chaya</i>	117
4.4.2 Sistem Pengetahuan	119
4.4.2.1 <i>Hanuman</i>	119
4.4.2.2 <i>Kolem</i>	121
4.4.2.3 <i>Rama</i>	122
4.4.2.4 <i>Ravana</i>	124
4.4.2.5 <i>Sulukaapu</i>	125
4.4.3 Sistem Keluarga dan Organisasi Sosial	127
4.4.3.1 <i>Acci</i>	127
4.4.3.2 <i>Acha</i>	129
4.4.3.3 <i>Amma</i>	130
4.4.3.4 <i>Anna</i>	131
4.4.3.5 <i>Appa</i>	133
4.4.3.6 <i>Chechi</i>	134
4.4.3.7 <i>Chithirai Puttaandu</i>	135





4.4.3.8 <i>Kathavetti</i>	137
4.4.3.9 <i>Kaunder</i>	138
4.4.3.10 <i>Muttacha</i>	140
4.4.3.11 <i>Paapa</i>	141
4.4.3.12 <i>Paati</i>	143
4.4.3.13 <i>Pillay</i>	144
4.4.3.14 <i>Tatha</i>	145
4.4.3.15 <i>Ugadhi</i>	147
4.4.3.16 <i>Vasakhi</i>	149
4.4.3.17 <i>Vishu</i>	150
4.4.4 Sistem Kepercayaan	152
4.4.4.1 <i>Chitra Pournami</i>	153
4.4.4.2 <i>Deepavali</i>	154
4.4.4.3 <i>Kaali</i>	155
4.4.4.4 <i>Ghanapati</i>	157
4.4.4.5 <i>Kalaimagal</i>	159
4.4.4.6 <i>Kavadi</i>	161
4.4.4.7 <i>Kungumem</i>	163
4.4.4.8 <i>Lakshmi</i>	164
4.4.4.9 <i>Mahavishnu</i>	165
4.4.4.10 <i>Muruganperummal</i>	167
4.4.4.11 <i>Nandhi</i>	168
4.4.4.12 <i>Om Saravanabava</i>	170
4.4.4.13 <i>Paraasakthi</i>	171





4.4.4.14 <i>Ponggal</i>	172
4.4.4.15 <i>Potthu</i>	174
4.4.4.16 <i>Saivam</i>	176
4.4.4.17 <i>Sivaperuman</i>	177
4.4.4.18 <i>Surya Narayana</i>	179
4.4.4.19 <i>Thali</i>	180
4.4.4.20 <i>Tulasi</i>	182
4.4.5 Sistem Peralatan dan Keperluan Hidup serta Teknologi	184
4.4.5.1 <i>Churidar</i>	184
4.4.5.2 <i>Jibba</i>	186
4.4.5.3 <i>Jillebi</i>	187
4.4.5.4 <i>Kari ‘Parpu’</i>	188
4.4.5.5 <i>Khurta</i>	190
4.4.5.6 <i>Laddu</i>	191
4.4.5.7 <i>Loongi</i>	192
4.4.5.8 <i>Masalavadei</i>	194
4.4.5.9 <i>Mundane</i>	195
4.4.5.10 <i>Pavade</i>	197
4.4.5.11 <i>Tairu</i>	199
4.4.5.12 <i>Tose</i>	200
4.4.5.13 <i>Vesthi</i>	201
4.4.6 Kesenian	203
4.4.6.1 <i>Bhangra</i>	203
4.4.6.2 <i>Bharatam</i>	205





4.4.6.3 <i>Kathakali</i>	207
4.4.7 Sistem Ekonomi	209
4.4.7.1 Kangani	209
4.5 Kesimpulan	211

BAB 5 PENUTUP

5.1 Pengenalan	212
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	213
5.3 Implikasi Kajian	216
5.4 Cadangan Kajian Lanjut	217
5.5 Kesimpulan	219



LAMPIRAN





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
4.1 Perkataan-perkataan dari Bahasa Masyarakat India Malaysia dalam Cerpen-cerpen Terpilih	99
4.2 Perkataan-perkataan dari Bahasa Masyarakat India Malaysia yang Terdapat dalam Cerpen-cerpen US. SB Mengikut Pembahagian Unsur Kebudayaan Koentjaraningrat (Sistem Bahasa atau Perlambangan Manusia)	103
4.3 Perkataan-perkataan dari Bahasa Masyarakat India Malaysia yang Terdapat dalam Cerpen-cerpen STB Mengikut Pembahagian Unsur Kebudayaan Koentjaraningrat (Sistem Pengetahuan)	104
4.4 Perkataan-perkataan dari Bahasa Masyarakat India Malaysia yang Terdapat dalam Cerpen-cerpen STB dan US. SB Mengikut Pembahagian Unsur Kebudayaan Koentjaraningrat (Sistem Keluarga dan Organisasi Sosial)	107
4.5 Perkataan-perkataan dari Bahasa Masyarakat India Malaysia yang Terdapat dalam Cerpen-cerpen STB dan US. SB Mengikut Pembahagian Unsur Kebudayaan Koentjaraningrat (Sistem Kepercayaan)	110
4.6 Perkataan-perkataan dari Bahasa Masyarakat India Malaysia yang Terdapat dalam Cerpen-cerpen STB dan US. SB Mengikut Pembahagian Unsur Kebudayaan Koentjaraningrat (Sistem Peralatan dan Keperluan Hidup serta Teknologi)	112
4.7 Perkataan-perkataan dari Bahasa Masyarakat India Malaysia yang Terdapat dalam Cerpen-cerpen US. SB Mengikut Pembahagian Unsur Kebudayaan Koentjaraningrat (Kesenian)	114





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
3.1 Reka Bentuk Kajian	75
3.2 Kerangka Teori mengikut Teori Kebudayaan Koentjaraningrat (1990)	95





SENARAI SINGKATAN

Bil	Bilangan
Ed	Edisi
Hal	Halaman
M.s.	Muka Surat
STB	Saroja Theavy Balakrishnan
US SB.	Uthaya Sankar SB.
Vol	Volume





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xvii

SENARAI LAMPIRAN

A

Senarai Cerpen yang digunakan dalam Kajian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



TRANSLITERASI TAMIL

Penggunaan transliterasi nama-nama dan istilah-istilah Tamil melalui translasi bahasa Melayu adalah berdasarkan kepada sistem transliterasi yang digunakan dalam *Tamil Lexicon*. Berikut adalah dasar kepada transliterasi huruf-huruf bahasa Tamil.

UYIR ELLUTTU / VOKAL

a - அ	ū - உள்	ō - ஒ
ā - ஆ	e - ஏ	au - ஓள்
i - இ	ē - ஏ	ă - ஙோ
ī - ஈ	ai - ஐ	
u - உ	o - ஒ	



MEY ELLUTTU / KONSONEN

k / g - க்	ñ - ஞ்	y - ய்
c - ச்	ñ̄ - ஞ்ச்	r - ர்
ṭ - ட்	ñ̄ - ஞ்ச்	l - ல்
t - த்	n̄ - ஞ்	v - வ்
p - ப்	m̄ - ஞ்	l̄ - ஞ்
r̄ - ர்ம்	ñ̄ - ஞ்	l̄ - ஞ்





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xix

KIRANTA ELUTTU

j - ജ	h - ഘ	sri - ശ്രീ
ഃ - ഖ	s - സ്	



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN



Bab ini secara ringkasnya akan membincangkan latar belakang dan permasalahan kajian yang menyebabkan kajian ini dilakukan. Selain itu, tujuan, skop serta kepentingan kajian juga akan dibincangkan secara ringkasnya. Di samping itu batasan kajian, organisasi keseluruhan dan definisi operasional kajian ini juga akan menjelaskan dalam bab ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bahasa Melayu merupakan bahasa pertuturan di alam Melayu. Alam Melayu yang terletak di kawasan laluan perdagangan yang utama telah memberi kesan kepada





perkembangan bahasa ini. Pada masa silam iaitu sejak melebihi 1,000 tahun yang lalu, bahasa Melayu telah memperlihatkan sejarah pertembungan dengan masyarakat dan budaya lain (Khalid M. Hussein, 1978). Pertembungan ini membawa kepada pelbagai perubahan dalam kehidupan masyarakat Melayu di rantau ini. Salah satu perubahan tersebut ialah pertembungan ini mengakibatkan berlakunya proses penggunaan perkataan bahasa lain (Zainal Abidin, 1965). Proses ini terjadi hasil pertembungan dengan pelbagai masyarakat luar yang hadir di kawasan alam Melayu ini. Secara umumnya, maksud penggunaan telah dinyatakan oleh Hyman, L.M. (1975) seperti berikut “*the attempted reproduction in one language of patterns previously found in another*”. Menurut pendapat ini penggunaan perkataan bahasa lain dalam bahasa merujuk kepada satu proses meminjam kata-kata daripada satu bahasa oleh bahasa yang lain untuk kepentingan tertentu. Penggunaan bahasa berlaku apabila sesuatu bahasa bertembung dengan bahasa yang lain (Prasanth, 1995). Secara ringkasnya, fenomena ini berlaku apabila terdapat dua atau lebih bahasa dituturkan dalam sesebuah komuniti bahasa atau masyarakat. Masyarakat ini dikenali sebagai masyarakat dwibahasa atau multibahasa. Situasi ini merupakan realiti yang wujud dalam masyarakat Melayu. Menurut Winstedt (1996) pertembungan bahasa Melayu dengan bahasa lain di Malaysia berlaku mengikut aliran pengaruh budaya yang datang dan menyerap ke dalam budaya Melayu.

Pertembungan bahasa ini menyebabkan penutur sesuatu bahasa akan berinteraksi dengan penutur bahasa yang lain. Dalam konteks alam Melayu pengaruh pertama datangnya dari benua India melalui bahasa Sanskrit, yakni merupakan bahasa bagi agama Hindu. Ismail Hussein (1966) berpendapat bahawa proses pertembungan antara bahasa ini menyebabkan,





Dari bahasa masyarakat yang agak rendah kebudayaan serta ilmu pengetahuannya, bahasa Melayu mengalami perubahan pertama ke arah bahasa sarjana yang sanggup menyampaikan idea baharu yang tinggi.

(Ismail Hussein, 1966, ms. 48)

Dalam konteks bahasa Melayu, banyak perkataan bahasa Sanskrit yang diterima masuk ke dalam bahasa Melayu untuk memperkatakan berbagai-bagai aspek kebudayaan dari India dan tentang hal yang sebelum itu belum pernah diperkatakan dalam bahasa Melayu, seperti nama tubuh badan, hal yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan, dan sebagainya (Ismail Hussein, 1966). Menurut Mashudi Kader (1971), proses ini telah lama berlaku di Malaysia. Antara perkataan yang dimaksudkan ialah perkataan seperti bahu, muka, cendana, sutera, singa, angsa, cempaka, delima, tentera, cemeti, agama, neraka, puasa, aksara, bijaksana, cakerawala, dirgahayu dan utama (Nik Safiah Karim, 1996). Sebagaimana yang berlaku dalam mana-mana bahasa di dunia, pengaruh utama sesuatu bahasa ke atas bahasa yang lain boleh dikatakan melalui kosa katanya.

Selain perkataaan bahasa Sanskrit, bahasa Melayu juga menerima perkataan dari bahasa-bahasa lain seperti bahasa Jawa, bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Bahasa Arab merupakan bahasa asing kedua yang mempengaruhi bahasa Melayu selepas bahasa Sanskrit, dan pengaruh bahasa ini juga meliputi pelbagai bidang. Menurut Zainal Abidin (1965), antara bidang itu termasuklah agama, ilmu pengetahuan, pemikiran, dan adat istiadat serta upacara dalam agama Islam. Walau bagaimanapun, semenjak Perang Dunia Kedua, bahasa Melayu tidak lagi menggunakan perkataan daripada bahasa Arab. Tempat bahasa Arab sebagai sumber pinjaman diambil alih oleh bahasa Inggeris (Abdullah dan Ainon, 1994). Perubahan ini memperlihatkan





sejarah perkembangan masyarakat Melayu itu sendiri yang menjalinkan hubungan dengan masyarakat luar untuk pelbagai tujuan kehidupan mereka.

Selain itu, ada juga beberapa bahasa lain yang turut memberi kesan terhadap bahasa Melayu, seperti bahasa Hindi, Belanda dan Parsi. Satu lagi bahasa yang turut memberi sumbangan terhadap peningkatan khazanah kosa kata bahasa Melayu ialah bahasa Tamil. Bahasa ini merupakan salah satu bahasa Dravidia yang dituturkan secara meluas di bahagian selatan benua kecil India, Sri Langka, Pakistan, Nepal, Fiji, Mauritius, Afrika Selatan, dan Kepulauan Indonesia, seperti Pulau Jawa dan Sumatera, di Singapura, dan tidak ketinggalan di negara kita Malaysia (Jamsari Moktar, 1995). Bahasa Tamil kini merupakan bahasa rasmi di Tamil Nadu, India Selatan (Ahmad Muhamad Yusof, 1960) dan telah dinobatkan sebagai bahasa klasik.



Walaupun bahasa Tamil tidak menyumbangkan beribu-ribu perkataannya kepada bahasa Melayu, namun sebilangan penggunaan masih kekal dalam perbendaharaan kosa kata bahasa Melayu. Hal ini terbukti jika diteliti kamus-kamus yang terdapat dalam bahasa Melayu. Mengulas kenyataan ini Zainal Abidin berpendapat bahawa,

Kebanyakan perkataan bahasa Tamil merupakan ‘cakap mulut’ yang digunakan dalam percakapan harian antara kedua-dua penutur tersebut, iaitu orang Melayu dengan orang India berbahasa Tamil

(Zainal Abidin, 1965, ms. 34)

Seterusnya, Asmah Haji Omar (1975) pula berpendapat bahawa kata-kata daripada bahasa Tamil yang diguna ke dalam bahasa Melayu merupakan kata-kata yang berkaitan dengan kehidupan seharian masyarakat Melayu dan India. Amalan



penggunaannya menjadi faktor yang penting untuk mengintegrasikan kata-kata tersebut ke dalam struktur bahasa Melayu secara keseluruhannya. Beliau turut memberi contoh perkataan bahasa Tamil dalam bahasa Melayu. Antaranya nama makanan seperti *apam*, *asam*, *kari*, *ulam*, *putu*, *tose* dan banyak lagi serta jenis perkataan yang tergolong dalam penggunaan sehari-hari seperti *keldai*, *kanji*, kerutu, guni, *kolam*, *manikam*, dobi, topi, dan *kuli*. Perkataan bahasa Tamil yang terdapat dalam bahasa Melayu sebenarnya mempunyai sejarah yang tersendiri dan sejarah ini berkait rapat dengan kehadiran penutur bahasa Tamil di Tanah Melayu.

Dari segi sejarah, hubungan antara negara India dengan kepulauan Melayu dikatakan wujud sejak zaman dahulu lagi. Menurut Krishnan Maniam (1998), hubungan kedua-dua wilayah ini pada awalnya terjalin melalui hubungan perdangangan yang melibatkan pertukaran barang-barang. Di samping hubungan perdagangan, kedatangan orang India ke wilayah ini juga disebabkan atas usaha sendiri serta hasil polisi penjajah British.

Orang India yang datang atas usaha sendiri ini berkhidmat di jabatan-jabatan kerajaan sebagai pegawai tinggi, menjadi buruh di pelabuhan dan di ladang, perniagaan dalam sektor awam dan swasta, serta menjalankan perniagaan sendiri (Daniel, 1991). Di samping itu, ada yang menjadi professional seperti doktor, peguam dan jurutera. Sebilangan kecil buruh India pula berhijrah ke Negeri-Negeri Selat setelah pembukaan Pulau Pinang pada tahun 1786. Kebanyakan mereka bekerja di ladang tebu di Pulau Pinang dan Seberang Perai serta menjadi pembantu domestik. Selain itu, banduan India pula telah digunakan oleh kerajaan British untuk membina



bangunan awam dan jalan raya untuk memantapkan kuasa dan memenuhi keperluan mereka (Yu Kong Hwo, 1995).

Aliran secara besar-besaran pula berlaku apabila penghijrahan orang India beramai-ramai ke Tanah Melayu bermula pada tahun 1880-an (Prasanth, 1995). Pada ketika itu, kumpulan etnik penduduk dari India yang terbesar di Tanah Melayu ialah orang India yang berbahasa Tamil dan berasal daripada wilayah Tamil Nadu di selatan benua India. Mereka mewakili kira-kira 80 peratus daripada jumlah penduduk India di Tanah Melayu pada ketika itu (Thilagavathi Kanagarathnam, 1971). Kumpulan etnik India lain yang utama ialah Malayalee, Telegu, dan Sikh. Semua etnik ini berasal dari India Selatan. Menurut Gilbert (1980), golongan orang India yang datang ini terdiri daripada golongan pekerja kerana tujuan utama mereka berhijrah adalah untuk mencari peluang pekerjaan. Oleh itu, dapat dikatakan golongan orang India ini bukan datang dengan misi agama dan bukan terdiri daripada golongan penyebar agama atau profesional.

Kedatangan orang India ke Tanah Melayu secara beramai-ramai sebagaimana yang dinyatakan itu sebenarnya adalah hasil usaha pihak kolonial British (Daniel, 1991). Bermula dari tahun 1883, ekonomi Tanah Melayu semakin berkembang terutamanya dalam sektor penanaman getah dan perusahaan bijih timah. Selaras dengan kemajuan ini, wujud keperluan untuk mewujudkan sistem perhubungan, seperti jalan raya dan jalan kereta api di Tanah Melayu. Hal ini menyebabkan pihak British berhadapan dengan masalah tenaga buruh dan mereka terpaksa mengambil langkah membawa masuk buruh India dari India Selatan secara terancang.



Terdapat pelbagai cara yang digunakan oleh British untuk membawa masuk orang India ke Tanah Melayu. Sebagai permulaan, sistem kontrak diperkenalkan untuk buruh India (Mashudi Kader, 1971). Dalam hal ini, imigran India dibawa masuk bekerja ke ladang atau dalam perkhidmatan awam Inggeris untuk jangka masa tiga hingga lima tahun. Hal ini menyebabkan orang India ketika itu tidak bercadang untuk menetap di Tanah Melayu. Sebaliknya, mereka datang untuk bekerja selama beberapa tahun dan kemudian balik ke negara asal. Walau bagaimanapun, menurut Daniel (1991) keperluan terhadap tenaga kerja yang ramai dan bermutu menyebabkan pihak Kolonial British terpaksa menamatkan sistem kontrak dan seterusnya memperkenalkan sistem kangani.

Di bawah sistem kangani ini, kangani (mandur di ladang getah) dihantar ke India oleh tuan ladang untuk membawa balik tenaga buruh untuk bekerja di ladang-ladang getah milik mereka. Melalui sistem ini, lebih daripada satu juta orang India dibawa ke Tanah Melayu (Krishnan Maniam, 1993). Namun demikian, kemasukan imigran India melalui Sistem kangani ini masih tidak dapat memenuhi keperluan tenaga buruh di ladang. Hal ini menyebabkan pihak Inggeris terpaksa mewujudkan tabung imigrasi India yang diusahakan oleh pengusaha ladang (Ratnam, 2000).

Langkah pihak Inggeris itu membawa kemasukan orang India ke Tanah Melayu ini pula menyebabkan wujud penempatan orang India secara tetap di Tanah Melayu. Sebagai permulaan, kebanyakkan buruh India ditempatkan di Negeri-Negeri Selat dan penempatan buruh ladang ditetapkan oleh pihak pemerintah Inggeris atas Sistem Kangani. Seterusnya, di bawah Tabung Imigrasi India pula, buruh India bebas bekerja di mana-mana ladang di Tanah Melayu. Lama-kelamaan, kebebasan



penempatan ini menyebabkan kebanyakan orang India menetap di bandar-bandar utama, seperti di Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang, Klang, Taiping dan Singapura atau di tempat-tempat terdapatnya ladang getah (Ranjit Singh Malhi, 1994). Kajian yang dilakukan tentang penempatan orang India di Tanah Melayu mendapati bahawa 95 peratus penduduk India tinggal di bahagian barat Semenanjung Tanah Melayu.

Menurut catatan sejarah, penempatan terawal masyarakat India di Tanah Melayu ditemui di kawasan selatan Kedah dan Seberang Perai (Prasanth, 1995). Hal ini dibuktikan dengan penemuan patung dewa orang India di Kedah, iaitu di Bukit Choras, Bukit Mertajam, Bukit Meriam, dan Kedah (Arasaratnam, 1979). Dalam catatan sejarah India, Kedah digelar *Kadaram*, nama rujukan bahasa Tamil bagi negeri Kedah oleh orang India. Menurut Ranjit Singh Malhi (1994) pula, besar kemungkinan penempatan pertama orang India yang menetap di Tanah Melayu telah diasaskan di Melaka pada abad ke-15 dan penempatan itu dikenali sebagai Kampung Keling. Orang India yang menetap di Kampung Keling ini bekerja sebagai pegawai istana, guru, pedagang, dan tukang.

Sumber-sumber yang dibincangkan sebelum ini menunjukkan bahawa kedatangan bahasa Tamil ke alam Melayu (khususnya di Tanah Melayu) hanya berlaku pada kurun ke-15 atau ke-19, namun ada sumber lain yang mengatakan bahawa bahasa Tamil sebenarnya telah bertapak semasa bahasa Sanskrit bertapak di alam Melayu atau mungkin lebih awal. Menurut Ismail Hussein (1992), pengaruh India di Asia Tenggara atau di Kepulauan Melayu mungkin bermula pada zaman prasejarah sejak zaman Sriwijaya. Buktinya terdapat pada batu bersurat abad ketujuh (Nik Safiah Karim & Norliza Jamaluddin, 2002).





Orang India pada masa itu datang ke kepulauan Melayu untuk bermiaga dan menetap di sini. Selain itu, ada usaha orang di kepulauan Melayu yang membawa barang dagangan ke India dan membawa balik ke tamadun masyarakat India bersama-sama mereka apabila kembali. Menurut Ismail Hussein (1992), ahli pelayaran dan perniagaan inilah yang mula-mula mengharungi laut datang ke kepulauan Melayu dan lama-lamaan kedatangan mereka diikuti oleh golongan yang lebih tinggi budinya, seperti bangsawan, kaum pendeta dan Brahmin.

Masyarakat berbahasa Tamil yang berhijrah ke Tanah Melayu pada zaman pertengahan pula mungkin bukan terdiri daripada golongan mubaligh, sebagaimana yang dikatakan oleh Asmah Haji Omar (1986), tetapi golongan inilah yang mempengaruhi keseluruhan Tanah Melayu melalui penyebaran agama Hindu dan Buddha (Wignesan, 1994). Tradisi Hindu-Sanskrit juga disebarluaskan oleh pedagang-pedagang Dravidia dan pengasas kerajaan India di Asia Tenggara.

Di samping itu, menurut Killingley (1963), terdapat bukti yang menyatakan bahawa bahasa Sanskrit mengandungi sejumlah perkataan daripada bahasa Dravidia, seperti bahasa Tamil, Malayalam, Telugu dan sebagainya. Menurut Killingley lagi,

The number of Dravidian words in Sanskrit can be variously estimated... But there is a hard core of words which are indisputably derived by Sanskrit from Dravidian. Notable among these are a number of plant names... a Dravidian etymology is plausible if the word can be connected with one which is widespread in Dravidian languages, especially if it can be derived from a Dravidian root; or if it is a word for a peculiarly Indian thing, unknown to the Aryans before their entry into India, as is case with many plant and animal name.

(Killingley, 1963, ms. 169)



Sehubungan dengan itu, beberapa perkataan bahasa Tamil dan bahasa Sanskrit diturunkan sebagai bukti. Antara perkataan tersebut ialah danda, tamarasa, atarusa, amanda, mala, nira, kuntala, mina, ani, ulukhala, khala, kathuka, dan langla (Killingley, 1963).

Sebagai kesimpulan, dapat dikatakan bahawa bahasa Tamil telah bertapak di alam Melayu sebelum bahasa Sanskrit. Walau bagaimanapun, bahasa Tamil seolah-olah tidak menonjol disebabkan sistem kasta yang diperkenalkan oleh orang Aryan (Zainal Abidin, 1965). Dengan itu, bahasa Sanskrit, iaitu bahasa orang Aryan, mendapat tempat teratas dan sekali gus bahasa mereka disegani oleh segala lapisan masyarakat di alam Melayu. Di India, bahasa Sanskrit yang merupakan bahasa kaum atasan (Brahmin) telah digunakan sebagai alat untuk merekodkan ajaran agama walaupun bilangan penutur bahasa ini tidak ramai dan bahasa ini terbatas kepada segelintir orang terpelajar sahaja (Ismail Hussein, 1992). Hal inilah yang menyebabkan bahasa lain di India, seperti bahasa Tamil kurang menonjol berbanding dengan bahasa Sanskrit. Walau bagaimanapun, pertembungan bahasa Tamil (Dravidia) dengan bahasa Melayu telah berlaku dan dengan demikian, aktiviti penggunaan perkataan antara kedua-dua bahasa ini juga tidak dapat dielakkan.

1.3 Pernyataan Masalah

Penglibatan kaum India dalam dunia persuratan Melayu banyak bergantung kepada cita rasa dan kebolehan menguasai bahasa Melayu. Hal ini penting kerana ramai penulis bukan Melayu turut menyemarakkan dunia penulisan sastera Melayu.

Kemampuan golongan penulis bukan Melayu ini sudah terserlah dalam mengungkapkan ilham mereka dalam penulisan kreatif dengan menggunakan bahasa Melayu. Malahan dalam memperkatakan tentang hal penguasaan bahasa penulis bukan Melayu Mohamad Saleeh Rahamad pernah menegaskan bahawa,

Faktor bahasa sudah tidak menjadi rintangan lagi bagi penghasilan karya sastera kerana penulis berkenaan sudah melepasinya dengan kemampuan berbahasa yang jauh lebih baik daripada penulis Melayu.

(Mohamad Saleeh Rahamad, 2003)

Pendapat ini memberi kita petanda bahawa bahasa Melayu mula memantapkan dirinya dalam persekitaran kemajmukan masyarakat Malaysia dengan caranya yang tersendiri. Keadaan ini menjanjikan satu keadaan baharu dalam dunia persuratan Melayu. Keadaan ini menjanjikan satu keadaan baharu dalam dunia persuratan

Melayu (Saravanan, 2018).

Krishnan Maniam (2003), berpendapat bahawa penglibatan serta sumbangan kelompok ini terbatas pada hasil usaha perseorangan dan terbatas sahaja. Lebih-lebih lagi kebanyakan penulis yang menulis dalam dunia kesusteraan Melayu terdiri daripada penulis Melayu-Islam. Lantaran itu, isu yang masih berpanjangan dalam dunia kesusteraan Melayu Malaysia ialah kemampuan para penulis tanah air mengungkapkan budaya, pemikiran, adat, kepercayaan dan hal-hal berkaitan masyarakat pelbagai kaum, keturunan dan etnik dalam karya berbahasa Melayu. Dalam konteks ini pastinya tema dan isu yang sering dikunjungi oleh penulis India dalam karya mereka pastinya bergelar di sekitar masyarakat India di Malaysia. Pastinya mereka dalam penulisan akan mengemukakan realiti masyarakat pelbagai kaum dan budaya menerusi karya yang dihasilkan oleh mereka itu. Oleh itu kita perlu



mengkaji sama ada penggunaan perkataan dari bahasa Tamil dalam karya penulisan berketurunan India dalam dunia persuratan benar-benar mencerminkan kemajmukan dan juga kepelbagaian budaya negara ini.

Seterusnya, kita juga perlu mengakui bahawa penglibatan penulis India dalam persada sastera Melayu tanah air merupakan satu perkembangan yang sihat, menarik dan wajar disambut baik oleh masyarakat Melayu khususnya tanpa sebarang prajudis kerana ini dapat melahirkan kosa kata baru dalam kalangan pembaca (Rozinah Abd. Aziz, 2004). Namun demikian, dalam kalangan pembaca kaum Melayu dan Cina masih ada kekeliruan untuk memahami kosa kata serapan yang digunakan dalam cerpen-cerpen karya india. Hal ini kerana golongan pembaca terutamanya khayalak pembaca Melayu mempunyai kekurangan kosa kata budaya dan hal ini akan menimbulkan masalah kepada mereka. Memandangkan masalah ini, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perkataan-perkataan dari bahasa Tamil yang terdapat dalam karya berbahasa Melayu itu untuk mengurangkan kekeliruan pembaca. Di samping itu, khayalak pembaca terdiri daripada tradisi budaya dan agama yang berbeza kemungkinan besar menghadapi masalah untuk mentasir unsur-unsur budaya yang diselitkan oleh penulis yang berketurunan India dalam karya mereka. Oleh hal yang demikian perlu ada usaha untuk menyelami makna perkataan-perkataan itu untuk mengenal pasti dan memahami minda masyarakat Malaysia yang berbilang kaum ini. Menyedari keperluan ini kajian ini cuba menafsir beberapa unsur budaya yang digunakan dalam cerpen-cerpen terpilih yang dinukilkhan oleh Saroja Theavy Balakrishnan (STB) dan Uthaya Sankar SB (US. SB).





Sekiranya penggunaan perkataan bahasa Tamil tidak fahami oleh pembaca hal ini akan menyebabkan mereka menghadapai kesukaran untuk memahami paparan kehidupan dan budaya masyarakat India yang terdapat dalam teks. Jika pembaca tidak memahaminya maka akan berlakulah kesilapan yang menimbulkan salah faham dan menyinggung perasaan sama ada dalam pembaca yang datang dari budaya bahasa sumber ataupun bahasa penerima. Malahan hal ini seterusnya akan memberikan maklumat atau keterangan yang menyeleweng atau salah sama sekali, dan menimbulkan kesan yang tidak diingini. Hal ini boleh dimungkinkan oleh penggunaan laras bahasa, teknik pengolahan, cara penyampaian, serta pemilihan perkataan yang digunakan dalam cerpen berbahasa Melayu. Perkataan dari bahasa Tamil yang telah digunakan dalam cerpen harus memahami budaya bahasa sumber dan bahasa penerima. Oleh itu, kredibiliti seseorang pengarang yang menggunakan perkataan bahasa Tamil untuk memperkatakan bahasa dan budaya dalam teks yang sasarannya bukan pembaca daripada budaya asal. Hal ini sangat penting dan perlu diberi perhatian kerana aspek ini menjadi aspek penentu kejayaan karya tersebut dihadam oleh pembaca, terutamanya yang melibatkan dua bahasa daripada rumpun bahasa berbeza dan mengamalkan gaya hidup yang juga berbeza.

Selain itu, kajian ini dilakukan kerana pada era globalisasi ini pemahaman dan toleransi budaya kaum antara satu sama lain amat membimbangkan. Jika wujud pemahaman maka akan terbit rasa hormat-menghormati sesama pelbagai kaum di Malaysia yang seterusnya memantapkan perpaduan. Namun demikian sejauh manakah karya-karya penulis pelbagai kaum ini menjadi wadah yang mengungkapkan pemahaman pembaca dari segi unsur kebudayaan masih belum dikaji. Menyedari kelompokan ini maka kajian ini cuba berusaha untuk mengenal pasti masalah ini.





Dalam dunia penyelidikan banyak kajian telah dilakukan oleh pengkaji lepas sama ada di dalam mahupun luar negara mengenai kebudayaan masyarakat India yang terdapat dalam cerpen dan antologi cerpen. Berdasarkan pemerhatian dan pengamatan pengkaji, kebanyakannya pengkaji terdahulu lebih memfokuskan ke arah kebudayaan masyarakat India dalam cerpen Tamil. Kajian mengenai kebudayaan masyarakat India berdasarkan penggunaan perkataan dari bahasa Tamil dalam cerpen tidak memperlihatkan dalam kumpulan cerpen berbahasa Melayu. Dalam hal ini, pengkaji lepas kurang menitikberatkan sebab penggunaan perkataan dari bahasa Tamil dalam cerpen-cerpen berbahasa Melayu. Oleh itu, pengkaji merasakan wujud kelompongan dan adalah perlu suatu usaha untuk melihat unsur kebudayaan masyarakat India dengan menggunakan perkataan dari bahasa Tamil dalam cerpen-cerpen berbahasa Melayu. Hal ini berlaku kerana kajian sebelum ini masih belum dapat menjadi kayu ukur dalam melihat kebudayaan masyarakat India dalam cerpen berbahasa Melayu.



1.4 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai tiga objektif. Antara objektifnya adalah untuk,

1. Mengenal pasti perkataan-perkataan bahasa Tamil yang berkaitan dengan unsur kebudayaan India dalam cerpen-cerpen terpilih karya STB dan US. SB.

2. Mengkategorikan paparan unsur kebudayaan India melalui penggunaan perkataan-perkataan bahasa Tamil yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih





karya STB dan US. SB mengikut pembahagian unsur kebudayaan Koentjaraningrat.

3. Mengupas makna di sebalik paparan unsur kebudayaan melalui penggunaan perkataan-perkataan bahasa Tamil yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih karya STB dan US. SB mengikut pembahagian unsur kebudayaan Koentjaraningrat.

1.5 Persoalan Kajian

Dalam kajian ini, beberapa persoalan kajian dicetuskan bagi mencapai objektif kajian.



1. Apakah perkataan-perkataan bahasa Tamil yang berkaitan dengan unsur kebudayaan India dalam cerpen-cerpen terpilih karya STB dan US. SB?
2. Bagaimana paparan unsur kebudayaan India melalui penggunaan perkataan-perkataan dari bahasa Tamil yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih karya STB dan US. SB mengikut pembahagian unsur kebudayaan Koentjaraningrat?
3. Apakah makna di sebalik paparan unsur kebudayaan melalui penggunaan perkataan-perkataan dari bahasa Tamil yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih karya STB dan US. SB mengikut pembahagian unsur kebudayaan Koentjaraningrat?



1.6 Kepentingan Kajian

Karya penulis berketurunan India ini mampu menjadi alternatif baru untuk membuka ruangan baharu kepada golongan pembaca multietnik di negara kita yang kini dahagakan penulisan yang memecahkan belenggu konvensional dan seterusnya memahami masyarakat majmuk Malaysia (Uthaya Sankar, 1995) yang kini menjadi realiti yang perlu difahami dan dihayati.

Keperluan mengkaji kumpulan cerpen karya STB dan US. SB kerana mereka adalah penulis-penulis tersohor berbangsa India ini sememangnya menjadikan agen atau tali penghubung antara sastera pelbagai kaum di negara kita. Jika diteliti dengan lebih halus lagi, dapat dirumuskan bahawa kemasukan perkataan-perkataan dari bahasa Tamil dalam cerpen Melayu ini bukan sahaja memperkaya bahasa Melayu tetapi menjadi wadah untuk memperkenalkan keunikan masyarakat majmuk kepada pembaca cerpen Melayu. Secara tidak langsung khalayak pembaca cerpen Melayu bukan India dapat berkenalan dan menghayati kosa kata bahasa-bahasa India. Hal ini secara tidak langsung mendekatkan kita kepada realiti bahawa kesusasteraan Melayu berkeupayaan menjadi kesusasteraan Malaysia yang mampu mengungkapkan realiti kemajmukan masyarakat sebenarnya.

Selain itu, kajian ini akan membantu kita untuk memahami kebudayaan orang India dengan lebih mendalam dan menyeluruh. Hal ini secara tidak langsung mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat yang terpisah dari segi bahasa dan budaya. Karya STB dan US. SB juga memberi peluang untuk kita meningkatkan kosa kata pembaca Melayu berhubung masyarakat India di Malaysia. Melalui kosa



kata baharu tersebut pembaca dapat memahami perkataan dari bahasa Tamil yang digunakan dalam karya penulis India.

Kajian paparan unsur-unsur kebudayaan India dalam cerpen-cerpen terpilih STB dan US. SB mengikut pembahagian unsur kebudayaan Koentjaraningrat juga diharap dapat dijadikan rujukan pada siswazah dan bakal pengkaji-pengkaji lain untuk membuat kajian susulan yang menampilkan cerpen-cerpen berdasarkan kebudayaan. Kajian ini juga memberi kesedaran serta mendorong para peminat kesusastraan untuk mengenali pengarang cerpen berbangsa India Malaysia dengan lebih dekat lagi.

Secara ringkasnya, kajian ini akan membantu kita untuk memahami pola perkembangan dunia cerpen Malaysia dan perkembangan bahasa Tamil dalam kesusastraan Melayu dengan lebih mendalam dan menyeluruh. Dalam konteks ini, kajian seumpama ini menjadi jambatan yang menjalinkan realiti Malaysia baharu yang bersifat multietnik itu. Di samping itu, kajian ini juga penting untuk mengetahui perlukisan masyarakat, idea masyarakat dan teknik yang telah digunakan oleh penulis berketurunan India melalui cerpen mereka.

1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian ini akan tertumpu kepada beberapa bahagian iaitu justifikasi pemilihan pengarang, pemilihan bahan kajian dan pemilihan teori. Kajian akan memfokuskan kepada paparan unsur kebudayaan berdasarkan penggunaan perkataan-perkataan dari bahasa Tamil dalam karya yang dihasilkan oleh pengarang cerpen popular yang





berbangsa India iaitu STB dan US. SB yang mengarang cerpen berbahasa Melayu, dengan menggunakan paparan unsur-unsur kebudayaan India.

1.7.1 Pemilihan Pengarang

Kajian ini terbatas kepada cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh pengarang berbangsa India dalam dunia penulisan kesusasteraan Melayu terpilih iaitu STB dan US. SB. Mereka dipilih berdasarkan beberapa faktor yang tertentu. Bersesuaian dengan kajian ini, pengarang yang dipilih mempunyai reputasi yang baik dalam dunia penulisan cerpen popular Melayu. Hal ini dapat dibuktikan melalui pelbagai anugerah yang diterima oleh mereka. Pencapaian yang diterima oleh pengarang yang dipilih ini menjadi bukti kepada ketokohan penulisan ini.



STB menulis cerpen yang sesuai untuk bacaan khalayak umum, remaja, dan kanak-kanak. Antara kejayaan besar yang diraih oleh STB setakat ini ialah kejayaan beliau mendapat tempat pertama daripada lebih 450 buah cerpen yang menyertai dalam Pertandingan Menulis Cerpen Formula Malaysia 2000. Hadiah tempat pertama itu menjadi petanda bahawa penulis ini setanding dengan penulis Melayu yang lain. Setakat ini beliau telah membuktikan ketokohan beliau dalam penulisan cerpen. Berikut ialah pencapaian lain beliau dalam pelbagai sayembara yang pernah disertai.

Antara hadiah yang pernah diraih oleh STB ialah hadiah penghargaan bagi cerpen sulungnya betajuk *Bukit Sikikih Mengaum* dalam Pertandingan Menulis Cerpen Remaja anjuran Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, 1988. Selain itu,





beliau turut mendapat hadiah penghargaan dalam Hadiah Cerpen Maybank-DBP I, 1988 untuk cerpennya yang berjudul Anggerik Berkembang di Puncak Hati dan tempat kedua dalam Hadiah Cerpen Maybank-DBP II, 1989 bagi karyanya yang berjudul Putih Mata, Putih Tulang. Karyanya yang berjudul Kandasami berjaya mengondol tempat pertama dalam Hadiah Cerpen Maybank-DBP IV, 1991. Pencapaian ini merupakan suatu kejayaan kepada STB khasnya dan para penulis kaum India umumnya (Leonard Loar, 1997). Di samping itu, beliau juga berjaya mendapat tempat kedua dalam Peraduan Menulis Cerpen DBKL-BBP, sempena 100 tahun Kuala Lumpur pada tahun 1990. Cerpennya yang berjudul Bermain dengan Pelangi pula mendapat hadiah penghargaan dalam Hadiah Cerpen Maybank-Kategori B, untuk tahun 1994/95. Cerpen beliau bertajuk Mendamba Puyu di Air Jernih juga telah mendapat tempat kedua dalam Hadiah Cerpen Maybank-DBP VII, 1996 manakala cerpen Lambaian Malar Hijau pula mendapat hadiah penghargaan dalam Hadiah Cerpen Maybank-DBP yang sama. Hadiah utama dalam Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank, kategori Cerpen Remaja, 1998 turut menjadi milik beliau melalui cerpennya yang berjudul Di Penjuru Pantai Peru. Di samping itu, beliau juga mendapat tempat pertama dalam Peraduan Menulis Cerita Kanak-kanak Kategori Bahasa Melayu Tahap I, anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia 1999 sempena sambutan Hari Guru. Selain itu, cerpen beliau yang berjudul Kilau Kemilau Kandil Hijau telah mendapat tempat pertama dalam Peraduan Menulis Cerpen Formula Malaysia, 2000. Di samping hadiah-hadiah tersebut, beliau juga berjaya mendapat hadiah penghargaan dalam Peraduan Menulis Cerpen Kanak-kanak yang dianjurkan oleh Kementerian Alam Sekitar pada tahun 2000 serta hadiah penghargaan Hadiah Cerpen Utusan Melayu 2000, bagi kategori cerpen dewasa.





Setakat ini beliau telah menghasilkan dua antologi cepen persendirian bertajuk *Gemerlapan*, Dewan Bahasa dan Pustaka (1997) dan *Keinginan Kecil di Cela Daun* (2003) juga terbitan Dewan Bahasa dan Pusaka. Cerpen-cerpen beliau juga diiktirafkan dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Beliau telah menjadi aset utama penulis India kerana kecenderungan beliau meneroka subjek cerita yang pelbagai dan mengaplikasikan teknik penukangan cerita yang segar. Usaha beliau ini menempatkan beliau sebagai penulis bervisi dan menampilkan idiosinkrasi yang begitu ketara dalam penulisan beliau (Saravanan, 2018). Pencapaian ini merupakan sesuatu yang luar biasa bagi pengarang seperti STB yang telah lama berkecimpung dalam dunia penulisan cerpen yang popular.

Selain STB, US. SB merupakan nama yang sudah tidak asing lagi dalam dunia sastera Malaysia. US. SB pernah memenangi Hadiah Cerpen Maybank-DBP (1992,1993 & 1996), Hadiah Sastera Utusan-Public Bank (1993), Hadiah Cerpen Esso-Gapena (1996) dan Hadiah Sastera Perdana Malaysia (1996/97 & 1998/99). Beliau juga antara lain telah menyertai Minggu Penulis Remaja (1991), Bengkel Penulisan Berbilang Kaum (1994&1995) dan Program Penataran Sastera di Indonesia (1997) serta Hadiah Sastera Kumpulan Utusan-ExxonMobil (2003). Beliau juga penerima Anugerah Duta Keamanan (Ambassador for Peace) daripada Universal Peace Federation pada 24 Ogos 2008 atas sumbangan terhadap keamanan, persefahaman dan perpaduan melalui penulisan. Beliau dilantik sebagai salah seorang Ahli Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) bagi penggal 2018-2020 dan 2020-2022.





Kumpulan cerpen persendirian beliau berjudul Orang Dimensi (DBP: 1994), Siru Kambam (DBP: 1996 & 1997), Yang Aneh-aneh (Sasbadi: 1997) dan Surat dari Madras (DBP: 1999). Beliau juga menghasilkan novel retorik parodi Hanuman: Potret Diri (DBP:1996), Koleksi Cerita Ikan (Maselga: 1997), Cerita Rakyat Asia Co-mel (Percetakan Nasional: 1997) serta kumpulan cerita rakyat India bertajuk Nari! Nari! (DBP:1995 & 2000) dan Munis Dengan Harimau (Fajar Bakti: 1996).

Antologi Vanakam, selenggaranya mengumpulkan cerpen berbahasa Malaysia yang dihasilkan oleh penulis kaum India. Penulis ini berpegang pada konsep “penulis ialah penimbul persoalan untuk renungan pembaca” dan ideologi ini terpancar dalam hamper kesemua karya fiksyen yang dihasilkannya. US. SB sering menampilkan budaya dan permasalahan hidup masyarakat India dalam karya. Beliau juga mampu menghayati, menjawai serta menggambarkan budaya kaum lain secara yang cukup meyakinkan. Hasil karya penulis ini sering mendapat tempat dalam majalah Dakwah, Dewan Pelajar, Dewan Siswa, Pelita Bahasa, Dewan Budaya dan Dewan Sastera serta akhbar Mingguan Malaysia. Karyanya turut diterjemah untuk disiarkan dalam media cetak dan media elektronik berbahasa Tamil. Beliau juga mengendalikan ceramah dan bengkel penulisan kreatif di beberapa tempat dalam usaha mencungkil dan menggilap bakat-bakat baru dalam bidang penulisan di kalangan belia dan remaja bagi membentuk ‘Penulis Angkatan Baru’.

Pengkaji telah memilih cerpen-cerpen yang dihasilkan oleh pengarang berbangsa India dalam alam kesusasteraan Melayu terpilih iaitu STB dan US. SB. Mereka telah dipilih atas sebab kumpulan cerpen kedua-kedua penulis ini telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Selain itu, mereka juga penulis yang



popular dalam kesusasteraan bahasa Malaysia. Di samping itu, karya mereka juga kaya dengan penggunaan perkataan dari bahasa Tamil.

1.7.2 Pemilihan Bahan Kajian

Kajian ini menganalisis dua buah kumpulan cerpen karya STB iaitu *Gemerlap*, (1997) dan *Keinginan Kecil di Celah Daun*, (2003). Selain itu, tujuh buah kumpulan cerpen karya US. SB iaitu *Orang Dimensi* (1994), *Siru Kambam* (1996), *Surat dari Madras* (1999), *Nayagi* (2000), *Sasterawan Pulau Cinta* (2001), *Rudra Avatara* (2008) dan *Kathakali* (2009). Setelah membaca, mengenal pasti dan menganalisis sembilan buah kumpulan cerpen karya STB dan US. SB, pengkaji telah memilih hanya 16 buah cerpen utama karya STB dan US. SB untuk kajian ini. Cerpen- cerpen tersebut dipilih kerana kaya dengan perkataan dari bahasa Tamil selaras dengan paparan unsur kebudayaan India serta bersesuaian dengan tajuk kajian. Senarai cerpen yang digunakan untuk kajian ini disertakan dalam Lampiran A.

1.7.3 Pemilihan Teori

Pengkaji memilih teori kebudayaan yang dikemukakan oleh Koentjaraningrat sebagai teori kajian. Koentjaraningrat (1990), membahagikan sistem budaya kepada tiga kategori iaitu sistem idea, sistem artifak dan sistem aktiviti. Tiga kategori ini merangkumi tujuh unsur budaya universal atau disebut sebagai budaya sejagat. Di bawah kategori sistem idea terdapat empat unsur budaya iaitu sistem bahasa atau



perlambangan manusia, sistem pengetahuan, sistem keluarga dan organisasi sosial dan sistem kepercayaan. Seterusnya di bawah kategori sistem artifak pula terdapat dua unsur budaya iaitu sistem peralatan dan keperluan hidup serta teknologi dan kesenian. Akhirnya dibawah kategori sistem aktiviti terdapat sebuah unsur budaya iaitu sistem ekonomi (Koentjaraningrat, 1990). Pengkaji telah memilih teori Kebudayaan Koentjaraningrat untuk mengkaji unsur-unsur kebudayaan masyarakat India berdasarkan penggunaan perkataan dari bahasa Tamil yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih karya STB dan US. SB. Dalam setiap unsur kebudayaan Koentjaraningrat pengkaji hanya menggunakan unsur-unsur kebudayaan berdasarkan perkataan yang digunakan dalam cerpen terpilih semata-mata. Batasan kategori kebudayaan yang digunakan dalam kajian ini terbatas kepada golongan perkataan-perkataan dari bahasa Tamil yang terdapat dalam kumpulan cerpen STB dan US. SB.



1.8 Sumber Kajian

Sumber untuk kajian ini terdiri daripada sumber primer dan sumber sekunder. Pengkaji menggunakan kedua-dua sumber ini dalam menjalankan penyelidikan ini.

1.8.1 Sumber Primer

Sumber primer merupakan sumber data yang diperoleh secara langsung dari sumber asli iaitu tidak melalui sebarang media perantara. Dalam kajian ini sumber yang dirujuk untuk memperoleh data primer ialah dua kumpulan cerpen karya STB iaitu





Gemerlapan, (1997) dan *Keinginan Kecil di Celah Daun*, (2003). Selain itu, lapan kumpulan cerpen karya US. SB iaitu *Orang Dimensi* (1994), *Siru Kambam* (1996), *Yang Aneh-Aneh* (1997), *Surat dari Madras* (1999), *Nayagi* (2000), *Sasterawan Pulau Cinta* (2001), *Rudra Avatar* (2008) dan *Kathakali* (2009).

1.8.2 Sumber Sekunder

Sumber sekunder merupakan sumber data yang sedia ada atau idea yang diperoleh daripada mana-mana sumber yang digunakan semula untuk dibuat kajian ini. Data sekunder ialah data tambahan daripada sumber bertulis seperti kritikan atau tulisan dalam artikel, jurnal, internet dan sebagainya. Data-data daripada sumber sekunder ini penting untuk dijadikan sebagai sokongan kepada sesuatu pernyataan dan mengukuhkan sesuatu dapatan atau hujah. Kajian ini akan merujuk sumber sekunder seperti kamus dewan, kajian ilmiah peringkat kedoktoran dan sarjana, ulasan dan artikel-artikel, jurnal dan buku-buku sastera yang berhubung kait dengan tajuk kajian ini.

1.9 Definisi Operasional

Dalam kajian ini terdapat beberapa perkataan atau istilah yang perlu difahami oleh para pembaca. Maka pengkaji telah menyenaraikan beberapa istilah serta definisi konsep bagi memudahkan pembaca untuk memahami istilah kebudayaan, cerpen, dan bahasa masyarakat India Malaysia.





1.9.1 Kebudayaan

Ada pendapat yang menyatakan bahawa perkataan kebudayaan berasal daripada perkataan Sanskrit iaitu daripada perkataan ‘buddhayah’. Perkataan ini merupakan bentuk jamak bagi kata dasar ‘buddhi’ yang membawa maksud budi atau akal. Lantaran itu, perkataan kebudayaan membawa maksud hal-hal yang bersangkut paut dengan budi dan akal (Soerjono Soekanto, 1982). Bagi Rohana Yusof (1996) pula perkataan kebudayaan sebenarnya terbentuk daripada dua perkataan iaitu ‘budi’ yang merujuk kepada asli, pertama, sejati dan yang dipandang sempurna dan ‘daya’ yang membawa maksud akal, jalan fikiran, ciptaan atau bikinan. Ringkasnya, bagi Rohana Yusof kebudayaan merujuk kepada segala hasil daripada akal pemikiran manusia yang asli.



Agus Salim yang dipetik oleh Koh Young Hoon juga berpendapat seperti Rohana Yusuf. Baginya kebudayaan ialah gabungan kata ‘budi’ dan ‘daya’. Budi mengandungi makna akal, fikiran, pengertian faham, pendapat, ikhtibar dan perasaan manakala ‘daya’ pula bererti tenaga, kekuatan dan kesanggupan. Ringkasnya, kebudayaan merujuk kepada “himpunan segala usaha dan daya upaya yang dikerjakan dengan menggunakan hasil pendapat budi untuk memperbaik sesuatu dengan tujuan mencapai kesempurnaan” (Koh Young Hoon, 1996, ms. 56). Roolvinli (1966) pula berpendapat bahawa perkataan ini merupakan singkatan dan berasal daripada perkataan bahasa Jawa iaitu budidaya. Jika ditinjau dari segi etimologinya kata ini merupakan gabungan kata pinjaman Sanskrit ‘buddhi’ dan kata ‘daya’ Malayo-Polynesia. Kata budidaya ini kemudiannya mengalami proses pemendekan yang



dikenal dalam ilmu linguistik sebagai haplogogi menjadi kebudayaan (Asmah Haji Omar, 2005).

Jika dihalusi perbendaharaan perkataan bahasa Tamil, *panpātu* merupakan perkataan yang boleh dikatakan sinonim dengan perkataan kebudayaan (Kanthasamy, 1997). Perkataan *panpātu* yang merupakan kata nama terbitan ini sebenarnya berasal daripada frasa kerja *panpātu* yang bermaksud sesuatu yang dimurnikan (Bharathi, 1997). Jika diteliti pada konteksnya, menurutnya perkataan *panpātu* membawa pengertian kehidupan yang telah dimurnikan. Manakala bagi Viathialinggam (1996) pula, kata *panpātu* ini sebenarnya berasal daripada kata akar *panpu*. Perkataan *panpu* merujuk kepada sifat, taraf, semula jadi, tingkah laku, cantik, norma, kebaikan atau warna (Kamus Anantha Vikatan, 1935). Manakala menurut Rajantheran dan Kumaran (1997) pula perkataan ini merujuk kepada sifat, kaedah, perbuatan atau tindakan. Walau bagaimanapun kata akar yang lebih sesuai untuk perkataan ini ialah *pāṇtu*. Hal ini demikian kerana perkataan *pāṇtu* bererti *palamai* yang bermaksud sesuatu yang lama (Kathiraiva Pillai Tamil Moli Akarathi, 1998).

Koentjaraningrat (1990) pula membahagikan sistem budaya kepada tujuh unsur budaya universal atau disebut sebagai budaya sejagat. Tujuh unsur tersebut adalah sistem bahasa atau perlambangan manusia, sistem pengetahuan, sistem keluarga dan organisasi sosial, sistem kepercayaan, sistem peralatan dan keperluan hidup serta teknologi, kesenian dan sistem ekonomi (Koentjaraningrat, 1990).

Ringkasnya, definisi ini melihat kebudayaan sebagai cara hidup sesebuah masyarakat atau bangsa yang merangkumi segala bentuk aktiviti harian mereka itu.

Pendapat-pendapat ini kelihatan lebih umum. Seorang lagi sarjana tempatan juga telah memperincikan maksud kebudayaan ini dengan lebih luas lagi. Apabila memperkatakan tentang kebudayaan, Rohana Yusof (1996) telah membahagikan kebudayaan yang menurutnya merupakan keseluruhan cara hidup manusia kepada dua bahagian iaitu kebudayaan kebendaan atau artifak serta kebudayaan bukan kebendaan. Kebudayaan kebendaan atau artifak merujuk kepada segala ciptaan kelompok manusia tertentu yang berbentuk objek. Pembahagian keduanya pula ialah kebudayaan bukan kebendaan yang merangkumi ciptaan manusia yang berbentuk abstrak.

Ismail Hussein (1966) pula menjelaskan bahawa erti kebudayaan dapat dilihat dalam konteks sempit atau pengertian luas. Kebudayaan sempit merujuk kepada segala aspek-aspek kesucian dan adat resam yang teristikewa. Manakala kebudayaan dalam konteks pengertian yang lebih luas pula merangkumi segala kegiatan dan perlakuan manusia yang dilakukan sebagai usaha dalam mencari penyesuaian dan kesempurnaan hidup di dunia. Ringkasnya, kebudayaan dalam pengertian yang luas ini sebenarnya lebih condong kepada kebudayaan budi.

Aziz Deraman pula melihat kebudayaan sebagai “Satu cara hidup meliputi seluruh cara hidup satu-satu masyarakat baik dalam pengumpulan dari idea-idea dan perasaan, kepercayaan, lambang, nilai-nilai dan bentuk kemasyarakatan serta objek-objek kebendaan yang diwariskan” (Aziz Deraman, 1974, ms. 7).

Dalam definisinya, Aziz Deraman telah memberi penekanan kepada beberapa aspek kebudayaan. Antaranya ialah sistem idea, perasaan kelompok, nilai dan



kepercayaan masyarakat tersebut, lambang serta objek kebendaan ciptaan masyarakat tertentu. Selain itu, satu lagi perkara yang penting dalam definisi ini ialah Aziz Deraman telah mengaitkan kebudayaan dengan konsep warisan masyarakat tersebut.

Satu lagi definisi kebudayaan yang akan disentuh ialah definisi yang pernah dikemukakan oleh Chandra Muzaffar. Baginya pula kebudayaan sebenarnya merupakan “kehidupan sesebuah masyarakat yang merujuk kepada tatacara mereka bertindak ke atas persekitaran mereka (termasuk persekitaran sosial) dalam menguruskan kehidupan secara kolektif” (Chandra Muzaffar, 1990, ms. 5).

Jika dihalusi definisi ini Chandra Muzaffar pula menyelitkan satu komponen lagi dalam membincangkan konsep kebudayaan. Chandra Muzaffar melihat kebudayaan dalam konteks persekitaran masyarakat tersebut dan penekanannya ialah wujud pertalian yang amat rapat antara kebudayaan dan persekitaran sesuatu masyarakat tersebut yang disebutnya sebagai kehidupan secara kolektif.

Definisi klasik yang sering menjadi rujukan kita apabila berbincang tentang kebudayaan ialah definisi Taylor. Menurut Taylor kebudayaan ialah “*is that complex whole which includes knowledge, belief, art, morals law customs, and any other capabilities and habits acquired by man as a member of society...Culture consists of all learned normative behaviour patterns*” (Taylor, 1920, ms. 1).

Definisi ini melihat kebudayaan sebagai sesuatu yang kompleks dan menyeluruh serta merangkumi ilmu pengetahuan, sistem kepercayaan, kesenian, aturan norma adab serta semua kemahiran dan kebiasaan yang diperoleh oleh





seseorang kerana menjadi ahli sesuatu kelompok masyarakat. Apa yang menarik dalam definisi ini ialah Taylor melihat kebudayaan ini sebagai keseluruhan sistem normatif pola tingkah laku yang dipelajari oleh seseorang dalam kelompok masyarakatnya.

Seorang lagi pengkaji kebudayaan barat turut memperkatakan tentang konsep kebudayaan. Bagi Nolan “*culture is learned information, and it is passed from person to person from generation to generation by means of symbols*” (Nolan, 1999, ms. 15). Pendapat ini memperlihatkan pertalian di antara kebudayaan dengan pembelajaran. Bagi Nolan, konsep kebudayaan ini merupakan sesuatu pengetahuan yang dipelajari dan diperturunkan melalui simbol-simbol daripada seorang individu kepada individu yang lain sebagai warisan. Jika dalam definisinya Aziz Deraman mengaitkan kebudayaan dengan ciri warisan, definisi ini memberi penekanan aspek baru untuk konsep kebudayaan iaitu faktor warisan melalui simbol.

Seorang lagi pengkaji barat yang pernah mendefinisikan kebudayaan ialah Dennick- Bercht. Dia menerangkan bahawa kebudayaan mencakupi cara pemikiran yang merangkumi kepercayaan, sistem nilai, ilmu pengetahuan, moral, bahasa, seni, undang-undang serta pola tingkah laku yang seterusnya merujuk kepada adat, kebiasaan dan fesyen (Dennick- Bercht, 2000). Apa yang menarik dan baru dalam definisi ini ialah ciri bahasa yang telah dikemukakan olehnya ini.

Viathialinggam (1996) pula membahagikan kebudayaan kepada dua bahagian yakni kebudayaan dalaman dan luaran. Baginya kebudayaan dalaman merujuk kepada



kasih sayang, maruah, adat, kebenaran dan sebagainya manakala kebudayaan luaran pula terdiri daripada aspek seperti makanan, pakaian, kediaman dan sebagainya.

Berdasarkan pendapat serta pendirian tokoh-tokoh tersebut, satu kerangka untuk kebudayaan dapat dibentuk secara kasar untuk kajian ini. Aspek pertama pengertian tentang kebudayaan. Secara ringkasnya kebudayaan dilihat sebagai cara hidup sesebuah masyarakat atau bangsa yang merangkumi segala bentuk aktiviti harian mereka itu. Aspek seterusnya yang akan diberi perhatian ialah pembahagian dalam konsep kebudayaan itu sendiri. Secara umumnya, kesemua sarjana yang ditinjau telah membahagikan kebudayaan kepada kategori-kategori yang umum. Bagi Koentjaraningrat membahagikan sistem budaya kepada tujuh unsur iaitu sistem bahasa atau perlambangan manusia, sistem pengetahuan, sistem keluarga dan organisasi sosial, sistem kepercayaan, sistem peralatan dan keperluan hidup serta teknologi, kesenian dan sistem ekonomi dan Rohana Yusuf kategori tersebut ialah kebudayaan kebendaan dan kebudayaan bukan kebendaan. Manakala Ismail Hussein pula melihatnya sebagai kebudayaan sempit dan kebudayaan luas, Viathialinggam pula membahagikannya kepada kebudayaan dalaman dan kebudayaan luaran. Bagi tujuan kajian ini, pembahagian kebudayaan yang digunakan ialah tujuh unsur kebudayaan dibahagikan oleh Koentjaraningrat iaitu sistem bahasa atau perlambangan manusia, sistem pengetahuan, sistem keluarga dan organisasi sosial, sistem kepercayaan, sistem peralatan dan keperluan hidup serta teknologi, kesenian dan sistem ekonomi.

1.9.2 Cerpen

Cerpen secara umumnya ialah penyataan penulis berdasarkan idea yang terbina daripada pengalaman, pengamatan dan pengetahuan yang ditulis dengan cara yang indah. Para penulis sebenarnya menghancur leburkan fikiran-fikiran yang lapuk dan basi yang wujud dalam sesebuah masyarakat (Ramamurthi, 2010).

Menurut Othman Puteh (1997), cerpen sebagai genre kesusastraan yang padat dan ringkas menuntut pengarang agar menjadi lebih berdisiplin dan bersikap ekonomi dalam penggunaan bahasa. Cerpen tergolong dalam kategori karya sastera kreatif-imaginatif, genre cereka dan prosa naratif. Jika diperhatikan secara mendalam, cerpen mempunyai sejarahnya yang tersendiri dan mendapat wadah yang wajar, terutamanya dalam bentuk majalah, surat khabar, dan buku. Maka, tidak mustahil jika cerpen dikatakan genre prosa baharu yang paling diminati, disenangi, dan dihayati. Oleh sebab itu, cerpen bukan lagi bahan bacaan ringan, malah menjadi genre yang popular dan memiliki nilai sastera yang tinggi.

Manakala Krishnanan Maniam (1993), menyatakan bahawa walaupun cerpen merupakan suatu genre yang membawa kisah yang singkat dan hanya menceritakan suatu sudut kehidupan, tetapi cerpen mempunyai sifat yang lengkap. Unsur-unsur tema, plot, watak, latar menjadi sangat penting bagi sesuatu cerpen yang baik.

Ali Ahmad (1978) pula mendefinisikan cerpen sebagai sejenis cereka yang tercipta dalam peradaban moden. Ia muncul dari pencarian betul bagi memuatkan cerita-cerita yang lebih munasabah berdasarkan kebenaran pengalaman manusia



sehari-hari. Oleh itu, cerpen adalah satu bentuk sastera yang sangat terbatas oleh bentuknya yang pendek, pelukisan watak dan pendalaman jiwa yang sangat terhad. Menurut Hashim Awang (1981), cerpen ialah satu bentuk cereka pendek, membawa persoalan bagi menghasilkan suatu kesan tertentu yang indah. Ia memyesatkan daripada satu watak dalam suatu situasi di suatu tempat dan ketika.

Secara keseluruhanya, cerpen boleh dijadikan rujukan dan mampu memberikan ajaran kepada masyarakat. Cerpen bukanlah karya kosong semata-mata tanpa nilai yang berguna kepada manusia. Sebaliknya, unsur-unsur kebudayaan yang telah diselitkan di dalamnya supaya dapat mencerminkan budaya sesuatu masyarakat.



Dalam kajian ini bahasa Tamil merujuk kepada perkataan dari Bahasa Tamil, Malayalam, Telugu dan beberapa perkataan yang digunakan oleh masyarakat India di Malaysia. Masyarakat India di Malaysia dibahagikan kepada beberapa etnik. Setiap etnik mempunyai bahasa yang tersendiri, iaitu masyarakat india beretnik Tamil menggunakan bahasa Tamil, beretnik Malayali menggunakan bahasa Malayalam dan etnik Telugu menggunakan bahasa Telugu (Azharudin Mohamed Dali, 2012).

Bahasa Tamil merupakan bahasa yang unik dan klasik. Bahasa Tamil mempunyai 12 huruf vokal dan 18 huruf konsonan, 216 gabungan vokal-konsonan, dan 1 *āyuta eluttu*, sehingga jumlah mencapai 247 huruf. Fakta ini dibuktikan daripada penemuan kitab *Tolkāppiyam*. Para pengkaji bahasa kini membahagikan



bahasa-bahasa di India kepada dua kelompok, iaitu bahasa Dravidia dan bahasa Aryan (Arasaratnam, 1979). Bahasa Tamil tergolong dalam keluarga bahasa Dravidia. Bahasa Tamil merujuk kepada bah dalam bentuk tulisan dan pertuturan harian yang dituturkan oleh orang India yang berbangsa Tamil.

Bahasa Malayalam pula adalah salah satu daripada 24 bahasa rasmi India yang dituturkan oleh sekitar 45 juta penduduk, dan merupakan bahasa utama di Kerala, sebuah negeri di India Selatan. Bahasa Malayalam tergolong dalam keluarga bahasa Dravidia, dan mempunyai tulisan tersendiri. Kedua-dua bahasa serta sistem penulisannya amat berkait dengan bahasa Tamil. Bahasa Malayalam kini terdiri daripada 56 huruf, termasuk 20 vokal panjang dan pendek, dengan yang lain merupakan konsonan. Gaya tulisan yang lebih awal kini digantikan dengan gaya baru sejak tahun 1981. Skrip baru ini telah mengurangkan jumlah huruf naskah bertaip daripada 900 menjadi kurang daripada 90 huruf (Menon, A. Sreedhara, 2008).

Telugu tergolong dalam keluarga bahasa Dravidian dan adalah bahasa rasmi di negeri Andhra Pradesh, India. Ia adalah bahasa Dravidian dengan nombor penutur yang terbesar di dunia, dan bahasa kedua terbesar yang dituturi di India selepas Hindi dan satu daripada 24 bahasa rasmi kebangsaan di India (Wilkinson, Robert W, 1974). Penjajah inggeris telah membawa buruh-buruh Telugu berhijrah dari Andhra Pradesh ke Malaysia dan Singapura untuk berkerja di sektor perladangan, perniagaan dan penternakan. Bahasa Telugu masih wujud di negeri-negeri ini hingga ke generasi hari ini. Banyak persatuan serta syarikat persendirian hari ini berusaha untuk mengekalkan bahasa ini yang dikategorikan minoriti (Azharudin Mohamed Dali, 2012).



1.10 Kesimpulan

Dalam bab ini, penerangan kepada pengenalan kajian telah dibincangkan. Dalam bahagian pernyataan masalah, beberapa perkara yang telah ditimbul dalam kajian ini dapat diuraikan dengan jelas dan terperinci. Seterusnya, objektif dan persoalan kajian telah ditentukan. Bahagian kepentingan kajian menjelaskan betapa signifikannya kajian ini perlu dijalankan. Oleh sebab itu, skop kajian ini terlalu luas, beberapa batasan kajian ditentukan supaya kajian ini lebih berfokus. Sumber-sumber yang digunakan dalam kajian ini telah dinyatakan dan diikuti dengan definisi operasional yang diberi kepada beberapa perkataan supaya dapat memahami konsepnya. Kesimpulannya, dalam bab ini, penjelasan mengenai bahagian-bahagian penting telah diteliti supaya kajian ini tidak terpesong daripada objektifnya. Demi mendapatkan maklumat yang lanjut berhubung kait dengan tajuk kajian ini proses meneliti buku-buku serta artikel-artikel yang mengenai dengan tajuk kajian perlu dilakukan sebagai langkah seterusnya.

